

Dr Mahathir akan hadir Perhimpunan Agung Umno
Malaysian Insider
Dec 1, 2015
Oleh KC Nazari

Tun Dr Mahathir Mohamad akan hadir ke Perhimpunan Agung Umno pada 8 hingga 12 Disember ini selepas memutuskan untuk "menerima" jemputan lisan naib presiden parti Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Bekas perdana menteri itu berkata, beliau tetap akan hadir sama ada menerima surat jemputan atau tidak.

"Saya belum menerima jemputan lagi, tetapi saya terima jemputan Zahid sebagai undangan terbuka.

"Ia okay saja jika mereka tak hantar surat, saya tetap akan pergi," katanya kepada pemberita di Subang Jaya pagi ini.

Zahid sebelum ini berharap Dr Mahathir hadir ke perhimpunan tersebut kerana ahli parti masih menghormati beliau walaupun mungkin tidak menerima pendapatnya.

"Saya amat yakin surat jemputan akan keluar tidak lama lagi tetapi sama ada beliau menerimanya atau tidak, terpulang kepada beliau untuk memutuskannya.

"Majoriti ahli Umno masih menghargai beliau tetapi ada garis antara menghormati dan menerima pendapatnya. Ia dua perkara berbeza," Zahid dilapor berkata.

Kehadiran Dr Mahathir pastinya menjadi tumpuan kerana beliau dalam surat terbukanya semalam menyeru agar ahli Umno agar menolak Datuk Seri Najib Razak sebagai presiden Umno jika mahu parti itu selamat dalam Pilihan Raya Umum ke-14. – 1 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-mahathir-akan-hadir-perhimpunan-agung-umno>